

Syor rancang rumah terbuka mesra syariat

Tuan rumah tidak bezakan tetamu kaya, miskin serta sediakan juadah mencukupi

Nik Salida Shuhaila

salidasuhaila99@yahoo.com



MENGADAKAN rumah terbuka antara amalan sinonim dengan Syawal. Ia amat bererti demi silaturahmi dan hubungan baik sesama manusia, bertanya khabar dan mengambil berat antara satu sama lain.

Amalan berziarah ke rumah saudara dan sahabat handai adalah sebahagian usaha mengeratkan tali persaudaraan dan persahabatan yang sedia terjalin. Tetapi ada yang segan silu mengunjungi rumah sahabat-handai, melainkan dijemput sewaktu mengadakan rumah terbuka.

Amalan menjemput tetamu ke majlis yang diadakan adalah sunnah Rasulullah SAW, begitu juga memenuhi undangan. Malah, sahabat digalakkan mengadakan kenduri dengan menjemput saudaramara, jiran tetangga serta taulan untuk menyambung silaturahmi.

Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka sambunglah hubungan silaturahmi." (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari)

Sepanjang Syawal ini, semua mengambil kesempatan menganjurkan rumah terbuka hingga ada kala lima jemputan diterima pada satu masa. Melainkan ada halangan, sudah tentu kita tidak akan menghampakan jemputan walaupun pekat tidak berkata.

Makan dan minum hanyalah sampingan saja kerana yang lebih bermakna ialah menggembarakan tuan rumah dengan kehadiran tetamu memeriahkan majlis mereka.

Hari ini, ada rumah terbuka yang menjemput orang kaya saja. Majlis pula diadakan di hotel mewah yang menghidangkan juadah mahal dan eksklusif. Ia sudah tentu tidak menjadi masalah kepada yang berkemampuan walaupun berbelanja besar.

Bagaimanapun, Islam menegaskan tidak wajar membezakan antara tetamu kaya dengan yang miskin, sehingga mereka diundang ke majlis berbeza, bahkan diberi layanan berkasta juga walaupun dengan hidangan yang enak.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Seburuk-buruk makanan ialah makanan walimah yang dijemput orang kaya saja dan ditinggalkan orang miskin." (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Ada juga jemputan dibuat dengan mengirimi khidmat pesanan ringkas (SMS) atau mesej pendek melalui laman sosial yang ditujukan secara umum. Malah, orang yang menerima jemputan tidak mengenali pihak yang menjemput.

Santunnya tentu berlainan jika tuan rumah menjemput setiap tetamu secara lebih terhormat, berbahasa dan menjemput orang yang dikenalnya saja.

Tetamu yang menerima undangan harus menghadiri majlis diadakan tanpa membezakan sama ada jemputan datangnya daripada orang kaya atau miskin. Tujuan menerima jemputan adalah untuk memanjangkan silaturahmi, tidak sepatutnya memilih undangan malah perlu berusaha menghidanginya.

Bahkan untuk menyenangkan hati tuan rumah, tetamu tidak boleh sesekali menguzurkan diri hanya kerana berpuasa kerana menghadiri majlis rumah terbuka bukanlah semata-mata untuk menikmati juadah.

Jika berpuasa sunat, kita dibolehkan berbuka dan tetap mendapat pahala kerana niat berbuka puasa adalah untuk menggembarakan tuan rumah yang bersusah payah menyediakan hidangan. Sebaik-baiknya ialah merancang untuk tidak berpuasa jika menerima jemputan, melainkan puasa qada yang tidak boleh difakukan pada hari lain.



● GAMBAR HIASAN

TETAMU yang menerima undangan harus menghadiri majlis diadakan tanpa membezakan sama ada jemputan datangnya daripada orang kaya atau miskin.

Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: "Barang siapa beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan tetamunya." (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari)

Tetapi jika rumah terbuka diadakan di tempat menyediakan ma-

kanan tidak halal atau yang mengundang maksiat dan kejahatan, tidak menjadi kesalahan kita tidak memenuhi jemputan. Ia lebih baik demi menjaga thiqah sebagai seorang Muslim yang hidup berlandaskan hukum dan syariat.

Jika kita memahami hakikat memuliakan tetamu seperti yang digariskan Islam, tentulah sebagai tuan rumah kita tidak akan menghampakan mereka dengan menghidangkan juadah terlalu sedikit sehingga tidak mencukupi atau menyediakan makanan syubhah.

Tuan rumah juga perlu menyediakan tempat sesuai untuk tetamu

makan dan minum atau bersolat selain jangan terlalu lama membiarkan tetamu menunggu untuk menjamah makanan atau menjamu mereka dengan hiburan melalakan.

Justeru, rancanglah rumah terbuka sebaik-baiknya supaya mesra syariat, sekurang-kurangnya, seperti Ramadan, Syawal terus membuatkan kita sentiasa beringat.

Penulis ialah Pensyarah Kanari Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom